

LUAK TANAH MENGANDUNG

ULU MUAR

Zaman permulaan Luak Ulu Muar dibuka adalah dibawah Dato' Johol. Dalam keterangan tromba Sungai Ujung ada mengatakan Luak Ulu Muar termasuk di antara gabungan sembilan negeri yang dinamakan Negeri Sembilan sekarang. Ulu Muar mengambil tempat Luak Pasir Besar yang telah dianggap pada masa itu tiada bertaraf luak lagi.

Sekumpulan orang dari Hindustan sampai di Singapura kemudian merantas ke Johor dan hendak mudik ke ulu sungai yang diberi nama oleh mereka akan sungai itu dengan nama Sungai Muar.

Dalam kumpulan itu seorang sahaja yang bernama Banun iaitu seorang perempuan telah sampai di Ulu Muar, yang lain mengambil keputusan hendak menetap di Muar kerana telah MUAK (jemu) dalam perjalanan dan kononnya perkataan Muar berasal dari perkataan Muak.

Di Kuala Sungai Muar Banun berjumpa dengan seorang yang bernama Sheikh Abd. Rahman yang kemudiannya berkahwin dengannya. Setelah sampai di Ulu Muar Banun beroleh seorang anak perempuan bernama Tengkis.

Adalah dipercayai, Tengkislah peneroka utama bagi Luak Ulu Muar sebelum orang-orang Minangkabau datang yang membawa kepada kedatangan Raja-Raja dari Pagar Ruyung.

Susunan nama Penghulu Ulu Muar:

1. Naam
2. Mindek
3. Mopeng
4. Anjong
5. Jaalam
6. Hashim
7. Jailani (sekarang)

JEMPOL

Jempol adalah merupakan salah satu daripada luak dalam kawasan Tanah Mengandung, ketua pemerintahnya dikenal dengan nama Dato' Penghulu Jempol bergelar Dato' Lela Putera Setiawan.

Jempol ini adalah mengikut nama sebatang sungai yang mengalir di sepanjang kawasan itu. Mengikut cerita orang tua-tua, nama Jempol itu berasal dari nama seorang perempuan yang bernama JEMPO. Kononnya gadis ini sangat cantik parasnya, jempolan di antara gadis-gadis di tempat tersebut. Oleh kecantikannya satu perkara yang kurang manis telah berlaku pada diri Jempo. Dia telah dihukum bunuh dan mayatnya dibuangkan ke dalam sungai. Sungai itulah yang disebut Sungai Jempol sekarang ini, iaitu mengambil sempena nama gadis tersebut.

Sempadan kawasan itu dapat kita berpegang pada kata-kata di bawah ini:

Batasan Muar, sepanjang Sungai Muar

Batasan Jempol, sepanjang Sungai Jempol,

Batasan Johol, sepanjang Sungai Jelai.

Jadi kawasan Jempol itu adalah meliputi kawasan bahagian ulu sungai hingga ke Kuala Sungai Jempol, termasuklah Guntur, Tengkek, Tapak, Padang Lebar, Terentang, Batu Kikir, Serting Ulu, Serting Hilir, Kuala Jempol, Paya Bahau, Air Hitam dan beberapa lagi yang tidak dapat disebutkan dengan sepenuhnya.

Ketua pemerintahnya Dato' Penghulu Jempol, bergelar Dato' Lela Putera Setiawan, mempunyai kekuasaan penuh dalam luaknya sama ada dalam segi politik mahu pun dalam soal-soal memungut hasil cukai.

Adalah diriwayatkan pusat pemerintahannya pada zaman lampau ialah di Penarekan (Kuala Jempol) dan Titian Teras (Ulu Jempol). Penarekan terkenal dengan nama Serting sekarang ini. Dalam Sejarah Melayu ada menyebutkan tatkala Sultan Melaka berundur ke Pahang, baginda mengikuti Sungai Muar melalui Penarekan.

Akan Titian Teras itu letaknya di Ulu Jempol menjadi tempat persinggahan jalan darat dari Jelebu ke Pahang. Hingga masa ⁱⁿⁱ ~~itu~~ masih dapat kita dengar kata-kata 'Jempol Serambi Jelebu'.

Bila Jempol telah ramai penduduknya, mereka berkehendakkan seorang Penghulu sebagai ketua. Tiga orang wakil, iaitu Tok Pengeran, Tok Maliga dan Tok Poyang telah diutus mengadap ke Johol berkehendakkan seorang daripada Waris Suku Biduanda untuk dijadikan penghulu. Pada mulanya mereka dianugerahkan seorang perempuan. Penghulu perempuan itu dikembalikan. Kemudian baharulah mereka mendapat seorang waris yang tinggal di Pasir Besar bernama Daim, ibunya bernama Patam Suku Biduanda juga.

Tatkala Penghulu Daim sampai ke Jempol itu, ia masih kecil lagi yang demikian jawatannya dipangku oleh Tok Pengeran.

Oleh mengenangkan jasa ketiga orang dato' tadi, masing-masing itu telah dikurniakan gelaran:

1. Tok Pengeran bergelar Dato' Lela Raja sebagai Pemangku Penghulu Jempol.
2. Tok Meliga Menteri bergelar Dato' Sama Menteri
3. Tok Poyang bergelar Dato' Maharaja Setia menjadi tumpuan Dato'-Dato' Lembaga.

Sebagai tanda budi bahasa, perlantikan ketiga-tiga Dato' dan perlantikan Penghulu Jempol itu pada mulanya dahulu adalah disah dan disembahkan ke Johol. Bahkan perhubungan kedua luak ini sebelum kedatangan Yamtuan ke Seri Menanti adalah sangat rapat.

Setelah kedatangan Yamtuan ke Seri Menanti Dato' Penghulu Jempol dikenal dengan panggilan Dato' Penghulu Luak Tanah Mengandung bersama dengan Dato' Penghulu Muar, Dato' Penghulu Gunung Pasir dan Dato' Penghulu Terachi.

Dato' Penghulu Tanah Mengandung itu maksudnya keempat-empat penghulu itulah yang mengandungkan Yamtuan di Seri Menanti itu. Fahaman ini sampailah ketika orang-orang Inggeris mencampuri pemerintahan Negeri Sembilan T.M. 1895.

Hubungan Jempol dengan Johol berjalan terus walau pun Yamtuan telah ada di Seri Menanti. Pada tahun 1926 perhubungan itu menjadi putus apabila terjadi suatu perselisihan antara kedua dato' tersebut.

Pada satu ketika dulu adalah seorang Yamtuan Seri Menanti yang telah berkahwin dengan seorang anak perempuan Waris Jempol bernama To' Nyai Uban, baginda telah membuat istana di Serting dan istana itu masih ada dan masih dipelihara lagi datang sekarang ini.

Pada masa ini masih kita dapati lagi dalam simpanan Dato' Penghulu Jempol sebuah 'cop mohor' kurniaan Sultan Johor. Menurut ceritanya kurniaan ini adalah sebagai membalas jasa taat setia Dato' Jempol kepada Yamtuan Antah yang lari berlindung ke Johor tahun 1874, tatkala baginda kalah dalam peperangan Bukit Putus dengan Sungai Ujung yang dibantu oleh askar-askar upahan British. Dato' jempol tidak mahu tunduk dan mengaku kalah kepada Sungai Ujung.

Sebagai salah seorang daripada Dato' Penghulu Tanah Mengandung Dato' Jempol adalah bertugas mendirikan adat istiadat di Istana Besar Seri Menanti dan perlantikannya tidak lagi disahkan oleh Dato' Johol, tetapi disahkan oleh Yang Di Pertuan Besar Seri Menanti.

GELARAN PENGHULU LUAK JEMPOL

7
Sehingga sekarang telah sembilan oranglah yang menyandang pusaka Dato' Penghulu Jempol itu. Kesemuanya terdiri daripada Waris Biduanda yang berasal daripada keturunan Patam seperti yang tersebut di atas tadi.

Keturunan Patam melahirkan tiga moyang iaitu:

1. Tok Nyai Uban (berkahwin dengan Yamtuan Lenggang, Seri Menanti)
2. Tok Tarum
3. Tok Mayam.

Waris yang berhak untuk menjadi Dato' Penghulu adalah terdiri daripada keturunan Moyang Tok Tarum dan Moyang Tok Mayam sahaja. Akan keturunan Tok Nyai Uban telah mendapat hak keistimewaan daripada Yamtuan Seri Menanti.

Mereka yang telah menyandang Pusaka Dato' Penghulu Jempol:

Pertama	:	Dato' Penghulu Daim
Kedua	:	Dato' Penghulu Chap
Ketiga	:	Dato' Penghulu Malek
Keempat	:	Dato' Penghulu Rial
Kelima	:	Dato' Penghulu Hasan
Keenam	:	Dato' Penghulu Johan
Ketujuh	:	Dato' Penghulu Syukor
Kelapan	:	Dato' Penghulu Abdul Wahab
Kesembilan:		Dato' Penghulu Hj. Sulaiman bin Abdullah.

TERACHI

LUAK TERACHI letaknya di sebelah timur lereng Gunung Angsi. Sungai Terachi yang mengalir airnya dari Bukit Putus dan kaki Gunung Angsi itu memberi sempena nama tempat ini dengan nama TERACHI.

Terachi dibuka oleh orang-orang yang datang dari Ulu Muar dan semenjak dari mulanya di bawah pengawasan Dato' johol dalam jangka masa tujuh keturunan.

Pada satu ketika dulu sebahagian dari sebelah Ulu Luak Terachi ini di bawah pengawasan Dato' Kelana Sungai Ujung.

Adalah diyakinkan peneroka utama bagi Luak Terachi ini ialah seorang perempuan bernama Nyai Tanjung dari Suku Seri Lemak Pahang yang pada asalnya tinggal di Kmapung Jual, Seri Menanti.

Apabila Terachi telah dibuka putera sulung kepada Nyai Tanjung yang bernama Ahmad telah pergi ke Johor kerana memohon kurnia dari Sultan Johor untuk menjadi penghulu di Terachi. Kurnia diterima oleh Ahmad dari Sultan Johor dan Ahmad menjadi Pneghulu Pertama di Terachi.

Penghulu Ahmad terpaksa berkahwin dengan seorang gadis dari Suku Biduanda Sungai Ujung kerana mengelakkan rebutan atas dirinya oleh ketua-ketua suku di Terachi. Isteri Penghulu Ahmad dibawanya tinggal di Kampung Kundang Terachi.

Mengikut Martin Lister, di Terachi dalam tahun 1887 dan beberapa tahun selepasnya ada dua orang penghulu, pertama seorang yang diakui oleh Raja dan Dato' Johol bernama Haji Jaal, kedua seorang yang disukai oleh lebih dari setengah penduduk-penduduk-penduduk Terachi bernama Haji Lahap. Yang Kedua ini adalah menyalahi peraturan dan tidak diterima oleh perundangan negeri. Penghulu Haji Jaal menyandang pusaka penghulu hingga tahun 1919.

Berikut ini ialah nama-nama penghulu Terachi:

1. Ahmad
2. Tengkis
3. Tok Pechat (dipecat, dan namanya tidak diketahui)
4. Dota
5. Linsoh
6. Sulong
7. Haji Said
8. Adil
9. Haji Jaal
10. Haji Ariffin
11. Ujang bin Yahya
12. Lebai Hussin.

GUNUNG PASIR

LUAK GUNUNG PASIR yang dikenal pada mulanya dengan nama Pondong Pasir. Mula-mula tempat ini dibuka adalah di bawah urusan Dato' Rembau dan kemudiannya di bawah urusan Dato' Johol dan sekarang Luak Gunung Pasir ini di bawah Seri Menanti.

Penghulu Gunung Pasir daripada keturunan Suku Tanah Datar. Penghulu yang pertama bernama Tok Wan yang dikurniakan gelaran penghulu kepadanya oleh Sultan Johor pada masa itu Sultan Shahrim Maharaja Jali ibni Al-Marhum Sultan Abd. Jalil. Apabila meninggal Tok Wan diganti pula oleh anaknya bernama Tok Mesjit.

Rumpun keturunan Tok Gombi iaitu saudara Tok Wan, sekarang ini mewarisi pusaka Penghulu Gunung Pasir dari titisan keturunan tiga orang anaknya iaitu Baki (Ulu Gunung Pasir), Semut (Bukit) dan Diat (Sikai).

Berikut ini ialah susunan nama-nama Penghulu Gunung Pasir dari tiga carak yang mewarisinya iaitu Ulu Gunung Pasir, Bukit dan Sikai.

1. Tok Wan
2. Penghulu Mesjit
3. Penghulu Tuakal
4. Penghulu Mantik
5. Penghulu Budin
6. Penghulu Haji Malik

7. Penghulu Uteh
8. Penghulu Alam
9. Penghulu Kandak
10. Penghulu Panchoh
11. Penghulu Lahu
12. Penghulu Haji Mohd. Amin
13. Penghulu Basir
14. Penghulu Shamuddin bin Bahali (sekarang)